

Pemuda Umno, NGO Wujud Sekretariat Bantu Mereka Yang Bankrap
Bernama
28 Aug, 2013

PUTRAJAYA, 28 Ogos (Bernama)-- Pergerakan Pemuda Umno dan badan bukan kerajaan (NGO) akan mewujudkan sebuah sekretariat bagi membantu mereka yang bankrap kerana menjadi penjamin sosial dalam tempoh seminggu.

Exco Pergerakan Pemuda Umno Datuk Sohaimi Shahadan berkata fungsi sekretariat itu adalah mengenal pasti dan mengumpul maklumat berkaitan mereka yang bankrap bagi melihat dalam kelas mana mereka berada.

Sekretariat yang bakal dianggotai wakil Pergerakan Pemuda Umno serta lebih 10 NGO itu akan diletak di bawah Menteri di Jabatan Menteri Nancy Shukri.

"Sebuah pasukan petugas khas juga akan diwujudkan untuk membantu mereka yang muflis kerana menjadi penjamin sosial untuk pembelajaran, kereta dan lain-lain," katanya kepada media selepas perjumpaan bersama Nancy di sini Rabu.

Sohaimi berkata penubuhan sekretariat itu, yang mendapat sokongan Nancy, juga diharap dapat mewujudkan kerjasama rapat antara NGO, Pemuda Umno dan Jabatan Insolvency Malaysia.

Beliau juga berharap golongan itu berani tampil dengan bukti yang mereka teraniaya dan tertipu.

Sohaimi berkata jika usaha sekretariat ini berjaya, mereka akan cuba membantu kelas kebangkrapan yang lain.

"Kami turut dimaklumkan oleh Nancy bahawa mereka kini sudahpun berada di kajian akhir untuk pindaan Akta Kebankrapan 1967 (Akta 360) yang akan dibentang pada persidangan Dewan Rakyat selewat-lewatnya akhir tahun ini," katanya.

Jabatan Insolvency Malaysia kini dalam proses meminda Kebankrapan 1967 (Akta 360) bagi memudahkan individu yang diisytihar bankrap mendapat pelepasan kebangkrapan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973447>